

Benarkah Yesus Bangkit Dari Kematian?

Kelahiran, kematian dan kebangkitan Yesus Kristus adalah dasar iman kepercayaan orang Kristian. Dakwaan Yesus tidak mati disalib tetapi diangkat langsung ke syurga, atau Yesus mati sama seperti manusia yang lainnya dan Dia tidak bangkit merupakan usaha-usaha penyangkalan keilahian Yesus. Kebangkitan Yesus dari mati dapat dibuktikan daripada fakta berikut:

1. Kubur Kosong

Untuk mereka yang mengatakan Yesus telah mati tetapi Dia tidak bangkit, atau yang mempercayai bahawa tubuh-Nya dicuri oleh pengikut atau musuh-Nya, pertimbangkanlah yang berikut:

- a. Menurut bukti-bukti arkeologi, batu seberat dua tan lazimnya digunakan di zaman Yesus sebagai penutup kubur untuk mengelakkan pencerobohan daripada pencuri kubur. Batu itu dipasak dalam satu lurah condong di sebelah kiri pintu masuk. Apabila mayat telah diletakkan di dalam kubur, pasak itu akan dialih dan batu akan terguling untuk menutup pintu. Tetapi batu penutup itu didapati telah terguling ketika pengikut Yesus datang ke kubur (Markus 16 dan Yohanes 20). Pakar arkeologi mengatakan 20 tenaga orang lelaki diperlukan untuk menggulingkan batu tersebut.
- b. Satu meterai Roma (iaitu tali yang dililit di atas batu, dan diikat di tepi tembok kubur) telah diletak untuk menghalang pencuri kubur daripada memasuki kubur (Matius 27:66). Denda untuk membuka meterai Roma adalah hukuman mati disalib dengan kaki di atas. Meterai itu hilang semasa kubur kosong Yesus ditemui.
- c. Enam belas pengawal telah ditempatkan

untuk menjaga kubur tersebut (Matius 27:66). Empat di hadapan pintu masuk, dan selebihnya di sekeliling kubur. Mereka adalah pengawal Roma, bukan pengawal rumah ibadat Yahudi. Pengawal Roma terkenal dengan disiplin yang tinggi. Mereka akan dihukum bakar sampai mati dengan pakaian mereka sendiri apabila didapati tertidur semasa mengawal. Alkitab mencatat pegawai tersebut telah pergi menemui para imam Yahudi apabila menyedari kubur itu terbuka dan kosong. Mereka tidak balik ke berek kerana atasan mereka tidak akan percaya kepada mereka. Mereka juga akan dituduh tertidur semasa mengawal. Alkitab mencatat mereka telah disogok oleh para imam untuk mengatakan murid-murid Yesus telah mencuri tubuh-Nya (Matius 28:11-15).

Jadi di manakah tubuh Yesus sekiranya Kristus tidak dibangkitkan? Kubur yang kosong ini juga menjadi bukti bahawa Tuhan yang disembah oleh orang Kristian adalah Tuhan yang hidup. Tidak ada tubuh yang dijumpai untuk dijadikan bukti selama lebih dari 2000 tahun!

2. Catatan Alkitab

- (a) Kemunculan Yesus selepas kebangkitan-Nya tercatat dalam Matius 28:1-20; Markus 16:1-20; Lukas 24:1-53 dan Yohanes 20:1-21:25. Itu bukan satu teori tetapi adalah satu fakta kerana terdapat ramai saksi yang dapat mengesahkan kemunculan-Nya. Selama 40 hari selepas kebangkitan-Nya, Yesus menampakkan diri (dalam tubuh-Nya, bukan sebagai roh!) kepada Mary Madgalena (Markus 16:9), wanita-wanita lain (Matius 28:9), dua orang di jalan ke Emaus (Lukas 24:15), murid-murid-Nya (Yohanes 20:19, 26; 21:1), saudara-Nya Yakobus dan 500 saksi lain (1 Korintus 15:6). Kebangkitan-Nya juga tercatat dalam Kisah Para Rasul 1:1-11.

(b) Perubahan Hidup Murid-Murid Yesus. Mereka telah berubah daripada sekumpulan pengecut yang bersembunyi dalam sebuah bilik menjadi sekumpulan pengikut yang sangat berani memberi kesaksian berita Injil ke seluruh dunia. Petrus yang pernah menyangkal Yesus sebelum kebangkitan-Nya (Matius 26:74) berkata selepas kebangkitan Yesus, "Kami harus menuruti Allah dan bukan menuruti manusia." (Kisah 5:29)

Paulus yang menganiaya pengikut-pengikut Yesus (Kisah 8:3) telah bertemu dengan Yesus dalam perjalanannya ke Damaskus (Kisah 9:1-6). Itu telah mengubah dirinya daripada seorang penganiaya gereja menjadi seorang rasul gereja.

Adakah mungkin bagi Petrus dan Paulus menjadi pengikut Yesus yang setia dan sejati jika Yesus benar-benar tidak bangkit?

Membidas Beberapa Teori Penyangkalan Kebangkitan Yesus:

1. *Kubur Yesus tidak diketahui oleh para murid-Nya.* Ini tidak benar. Yusuf dari Arimathea tahu kerana itu adalah kubur untuk dirinya sendiri (Matius 27:57-61; Markus 15:43-47; Yohanes 19:38-42). Begitu juga dengan pihak berkuasa dan ramai lagi orang yang lain.
2. *Wanita-wanita tersebut pergi ke kubur yang salah.* Jika ini benar, adakah seluruh dunia juga telah pergi ke kubur yang salah? Kenapa sampai sekarang tidak ada alternatif lain yang diberi?
3. *Para pengikut Yesus & wanita hanya berhalusinasi.* Kalau begitu, kenapa pengawal Roma harus mengambil keputusan tergesa-gesa untuk menemui para imam Yahudi? Adakah mereka juga berhalusinasi dan mengambil risiko nyawa mereka akan terkorban?

4. *Tubuh Yesus telah dicuri oleh para pengikut-Nya.* Apa keuntungan yang mereka dapat dan mengapa mereka harus curi? Bagaimana dengan para pengawal dan saksi lainnya? Bayangkan pengikut Yesus yang penakut coba melawan pengawal Roma, kemudian menggulingkan batu untuk mengambil tubuh Yesus!
5. *Teori mati suri atau pengsan (swoon) yang dipercayai oleh orang Islam.* Mereka mengatakan Yesus yang mati suri/pengsan tiba-tiba sadar di dalam kedindingan gua, lalu bangun dan melepaskan diri daripada ikatan kain kafan, menggulingkan batu seberat 2 tan dan melawan pengawal Roma, dan kemudian pergi untuk menyebarkan satu agama baru!

Untuk Peneguhan Iman Kita:

Kebangkitan Yesus membuktikan kepada kita bahawa Dia adalah Tuhan (Yohanes 10:18), kematian-Nya adalah sebagai penebusan bagi dosa kita telah diterima oleh Allah (Rom 4:24-25). Sekiranya Dia telah mati dan kekal dalam kematian, maka sia-sialah pengorbanan-Nya dan kepercayaan kita (1 Korintus 15:16-19). Mereka yang mati akan kekal dalam kematian dan tidak akan dibangkitkan (1 Korintus 15: 12-15). Mereka juga tidak akan mendapat kembali bersekutu dengan Allah (1 Korintus 15:20-23).

Tetapi hakikatnya adalah: Kristus telah dibangkitkan daripada kematian. Kebangkitan-Nya adalah bukti kemenangan-Nya ke atas maut (1 Korintus 15:24-34). Hakikat ini juga mengisytiharkan kerana kebangkitan Kristus, semua orang yang telah percaya kepada-Nya akan memperoleh kemenangan ke atas dosa (1 Korintus 15: 50-58). Mereka tidak lagi dalam belenggu dosa tetapi telah dimerdekakan (Rom 6:11). Dan mereka boleh hidup dalam kemenangan, bahkan lebih dari pemenang (Rom 8:37)!